

CNS0933

U GB 31-05 00161 BA248

Bah

Mahathir - Air

MELAKA, 31 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Kerajaan Persekutuan belum menentukan bentuk kerjasama atau peranannya berhubung cadangan pengambil-alihan pengurusan bekalan air di negara ini.

Bagaimanapun Kerajaan Persekutuan berpendapat ia harus memainkan peranan yang lebih besar mengenai perkara itu, kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas melancarkan Program Induk Belia Negara (PIBN) pada perhimpunan Hari Belia Negara di Stadium Kubu di sini.

Ketika ditanya sama ada kerajaan-kerajaan negeri akan dibenarkan untuk terus mengutip hasil daripada pembekalan air jika Kerajaan Persekutuan mengambilalih pengurusannya kelak, beliau berkata; +Kita akan membincangkannya.+

Baru-baru ini Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya Datuk Wan Abdul Rahman Yaakob menyatakan bahawa jabatan itu telah menyiapkan kertas cadangan mengenai perkara itu untuk dikemukakan kepada kabinet.

Sesetengah kerajaan negeri telah menyatakan reaksi yang tidak begitu bersetuju dengan cadangan Kerajaan Persekutuan itu kerana bekalan air menyumbang hasil yang banyak kepada negeri. -- Lagi.

♥31/05/14-33MST

CNS0935

U GB 31-05 00077 BA249

Bah

Mahathir - Air 2 Melaka

Mengenai pojek penyaluran bekalan air dari Sungai Muar ke Melaka, Perdana Menteri berkata, projek itu telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dan ia sedang dilaksanakan.

Katanya, Kerajaan Persekutuan bersetuju agar projek itu dilaksanakan menerusi tender secara rundingan.

Projek berkenaan yang dianggarkan bernilai \$250 juta dan membabitkan pemasangan saluran paip sejauh 60 km akan dilaksanakan di bawah pengawasan Kementerian Kerja Raya. -- Bernama.

♥31/05/14-33MST